

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 46

RUANGAN : NIAGA

Ubat berasas ganja perlu kelulusan

➔ Syarikat kena kemuka bahan diguna kepada bahagian farmasi

Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof dan Mohd Anwar Patho Rohman
bhnews@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Syarikat atau individu yang menghasilkan produk perubatan berasaskan ganja, perlu mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Kesihatan.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye, berkata pihak berkenaan perlu mengemukakan bahan digunakan dalam produk terbitan, kepada bahagian farmasi bagi memperoleh pengesahan sama ada ia selamat atau tidak.

"Kegagalan berbuat demikian adalah kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya," katanya pada sidang media selepas Majlis Pelancaran 'OurCheckup', di sini, semalam.

Bagaimanapun setakat ini, beliau berkata, tidak ada syarikat yang mengemukakan permohonan kepada kementerian berhubung perkara itu.

Katanya, Kementerian Kesihatan tidak menghalang penghasilan ubat menggunakan rumusan ganja tetapi mesti ada pengesahan.

"Meraka yang ingin menggunakan ganja sebagai ubat mesti mengemukakan formula itu kepada farmasi untuk daftar sebagai ubat sebelum ia boleh digunakan.

Perlu disertakan bukti

"Pengesahan itu perlu disertakan bukti bahawa rumusan digunakan adalah berkesan dan dengan dos spesifik sama ada ia adalah pil, sirap atau suntikan.

"Bahagian farmasi akan mengesahkan sama ada bahan digunakan adalah selamat dan efektif sebelum ia boleh digunakan," katanya.

Sementara itu, dalam perkembangan berasingan, orang ramai diingatkan tidak membeli dan menggunakan produk tradisional Nan Bao (kapsul) kerana dikesan mengandungi racun berjadual, sildenafil.



Bahagian farmasi akan mengesahkan sama ada bahan digunakan adalah selamat dan efektif sebelum ia boleh digunakan"

Dr Lee Boon Chye,
Timbalan Menteri Kesihatan

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) mengesahkan bahawa pendaftaran produk itu sudah dibatalkan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) pada mesyuaratnya yang ke-331, baru-baru ini.

"PBKD mendapati produk berkenaan mengandungi sildenafil yang mana ia tidak dibenarkan dalam formulasi produk tradisional.

Kesan negatif

"Penggunaan sildenafil tanpa pengawasan doktor boleh menyebabkan kesan adverse serius seperti pengurangan atau kehilangan penglihatan dan pendengaran, penurunan tekanan darah mendadak sehingga ke peringkat berbahaya, serta kesan terhadap sistem kardiovaskular seperti strok dan serangan jantung," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sildenafil dan analognya tidak dibenarkan dalam ubat dikelaskan sebagai ubat tradisional, dan ia sangat berbahaya bagi orang awam kerana berisiko, terutama kepada

pesakit bermasalah jantung.

Justeru, katanya, penjual dan pengedar produk itu perlu menghentikan penjualan serta pengedarannya dengan serta-merta.

Beliau berkata, sebarang penjualan dan pengedaran produk terbitan tidak dibenarkan kerana melanggar Akta Jualan Dadah 1952 serta Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

"Individu yang melakukan kesalahan bawah peraturan ini boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan berikutnya.

"Syarikat yang melakukan kesalahan boleh dikenakan denda hingga RM50,000 untuk kesalahan pertama dan denda hingga RM100,000 untuk kesalahan berikutnya," katanya.

Orang awam boleh menyemak status pendaftaran sesuatu produk melalui laman sesawang nptra.moh.gov.my atau menghubungi NPRA melalui talian 03-78935400.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : KESIHATAN

iHEAL sasar pelanggan OurCheckup seramai 5,000 orang

KUALA LUMPUR - iHEAL Heart Group Sdn. Bhd. (iHEAL) menyasarkan seramai 5,000 pengguna mendaftar di platform online terbaharunya, OurCheckup dalam tempoh setahun.

Pengerusi dan Pengarah Urusan kumpulan, Dr. David Khoo Sin Keat berkata, platform berasaskan awan yang akan dilancarkan pada 7 April ini bersempena Hari Kesihatan Sedunia, akan membolehkan doktor dan pesakit mudah berkongsi data mengenai rekod kesihatan jantung.

"Ketika ini, kami sedang memuktamadkan harga bagi

aplikasi itu. Kami mahu menjadikannya ia mampu dan boleh diakses kepada semua," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis perasmian perkhidmatan tersebut yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye di sini semalam.

iHeal menandatangani perjanjian dengan ASP Medical Clinic dan Permai Polyclinics Group untuk menjadi rakan kongsi klinik mereka.

Syarikat turut memeterai perjanjian dengan Takaful Malaysia, untuk menjadi rakan kongsi insurans strate-

gik mereka, dan dengan iHeal Medical Centre untuk turut serta sebagai pusat perubatan strategiknya.

Menurut David, ASP Medical Centre mempunyai rangkaian kukuh di Malaysia dengan lebih 1,000 penyedia penjagaan kesihatan manakala Permai Polyclinics memiliki 28 klinik di Sabah dan Sarawak, membolehkan liputan di seluruh negara.

"Untuk masa depan, kami berhasrat memperluaskan capaian platform ini, secara besar-besaran, kepada lebih banyak doktor, perbadanan dan penyedia insurans," jelasnya.



DAVID (dua dari kanan) pada majlis pelancaran perkhidmatan OurCheckup di Kuala Lumpur semalam.

AKHBAR : NEWSTRAITS TIME

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NEWS/NATION

ERECTILE DYSFUNCTION

Health Ministry bans Nan Bao health product

PUTRAJAYA: The Health Ministry has banned the traditional health product, Nan Bao (capsule), as it contains sildenafil, a poisonous substance.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah yesterday said people must not buy or consume the product.

He said the registration of the product had been cancelled by the Drug Control Authorities following the detection of the substance.

"Sildenafil is used to treat erectile dysfunction. Medicine containing sildenafil can only be prescribed by doctors."

He said using sildenafil without

doctor's advice could lead to impairment of vision and hearing, low blood pressure, stroke and heart attack.



Datuk Dr Noor Hisham Abdullah

Sildenafil and its analogs are not allowed in traditional medicine.

"This product is dangerous, especially to those with heart-related problems and those who consume medicine which contain nitrate," said Dr Noor Hisham.

He warned sellers and distributors to stop selling and distributing the product.

"Selling and distributing the product is against the Sale of Drugs Act 1952 and the Control of Drugs and Cosmetics Regulations 1984."

Those who commit wrongdoings under the two regulations are liable to a penalty of not more than RM25,000 or a jail term of not more than three years, or both, for the first offence, while for subsequent offences, they are liable to a penalty of not more than RM50,000 and a maximum five-year jail term.

Companies can be fined up to RM50,000 for the first offence and RM100,000 for subsequent offences.

"Those who are using this product are advised to stop consumption and seek the doctor's advice if they suffer from any adverse effects," said Dr Noor Hisham.

He said people could check the status of a health product via <https://npra.moh.gov.my> or contact the National Pharmaceutical Regulatory Agency at 03-7883 5400.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NATION

Dengue cases rising in Johor, says Health Department

By VENESA DEVI
newsdesk@thestar.com.my

JOHOR BARU: The dengue situation in the state is rising at an alarming level since the beginning of this year.

It is learnt that the numbers have increased from 508 cases to 973 cases for the first four weeks of 2019 compared with the same period last year.

The number of deaths has also increased to two in 2019 compared with only one in 2018.

Johor Health Department director Dr Salehudden Abd Aziz confirmed that dengue cases were on the rise in the state.

"Dengue is currently on the rise not just in Malaysia but in Singapore as well.

"Among the reasons could be the hot spell that we are experiencing now," he said.

Dr Salehudden urged the public to take preventive measures and not depend solely on the Health Department.

"We encourage the public to carry out gotong royong to destroy mosquito breeding places in their neighbourhood," he said.

Dr Salehudden also advised the public to visit their nearest clinics or hospitals if they were having fever that does not subside after a few days.

"Early detection and treatment can help patients recover quickly," he added.

"Our priority is to stop the spread of Aedes, which would not only reduce dengue but also Chikungunya as it is from the same vector," he said, adding that so far there were no Chikungunya cases in the state.

He added that it is also difficult to tell the difference between dengue and Chikungunya as they share similar symptoms such as joint pains, fever and rashes.

A total of 39 Chikungunya cases were reported in the country from January until Feb 7 this year, with Selangor recording the highest number of cases.

The highest number of Chikungunya cases was reported in 2009, which were 5,430 cases.

The country is also on a national dengue alert after the number of cases spiked to 9,119 in the first three weeks of the year with 16 deaths reported.